

Headline **Ulang kaji 30 minit sehari**  
Date **24. Oct 2008**  
Media Title **Harian Metro**  
Section **Setempat**  
Circulation **336603**  
Readership **2192000**

Language **MALAY**  
Page No **35**  
Article Size **328** cm2  
Frequency **Daily**  
Color **Full Color**  
AdValue **15054.75**



# Ulang kaji 30 minit sehari

Penerima anugerah cemerlang peringkat diploma konvokesyen kerjasama UPM-IPTS anggap mimpi jadi realiti



>>Oleh Mohd Harzrul Aminuddin  
harzrul@hmetro.com.my

**S**ERDANG: Berkat merujuk nota kuliah 30 minit sehari membuahkan hasil apabila Hafiz Baharudin, 26, dari Kolej Shahputra, menerima Anugerah Graduan Cemerlang keseluruhan peringkat diploma sempena Konvokesyen Program Kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM)-Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) ke-10, pagi semalam.

Hafiz yang memperoleh keseluruhan Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) 3.597 berkata, dia tidak menyangka akan menerima anugerah tertinggi bagi pelajar pada konvokesyen tahun ini.

"Semua ini ibarat mimpi jadi realiti... walau apapun saya tetap bersyukur kerana ia membuktikan segala penat-lelah dan pengorbanan saya selama ini membuahkan kejayaan gemilang dalam hidup ini.

"Saya hanya mengulang kaji pelajaran sekurang-kurangnya 30 minit dan paling lama sejam tapi yang penting saya ulang kaji pelajaran apabila ada 'mood' saja," katanya selepas menerima anugerah berkenaan di samping isterinya, Nurul Hafiza Said Sulaiman, 25.

Bagi Noraziah Anida Mohd Rashid, 28, nasihat arwah ayahnya supaya belajar bersungguh-sungguh menjadi pembakar semangat dia mengukir kejayaan selaku penerima Anugerah Graduan Cemerlang Akademik peringkat sarjana muda (bachelor).

"Biar miskin harta tapi kaya ilmu di dada...itu nasihat terakhir arwah ayah yang ingin melihat saya belajar sehingga



**BANGGA...**Prof Nik Mustafa (dua dari kanan) bersama tiga pelajar cemerlang selepas majlis konvokesyen, semalam.

ke peringkat tertinggi.

"Saya belajar seperti biasa, tidak terlalu memaksa diri untuk belajar dan yang paling penting, jangan terlalu memaksa otak kita untuk menerima," kata graduan

Kolej Teknologi Bestari.

Noraziah ditemani ibunya Katizah Muda, 54, berkata dia kini berkhidmat sebagai pegawai tadbir di kolejnya dulu dan berazam untuk bergelar seorang pensyarah pada

masa akan datang.

"Apa pun yang berlaku pada masa akan datang, saya pasti sekiranya arwah ayah masih ada, dia bangga melihat kejayaan saya merangkul anugerah pada hari ini

(semalam)," katanya terharu sambil memeluk ibunya.

Sementara itu, seramai 681 graduan UPM-IPTS dianugerahkan ijazah sarjana muda dan diploma sempena majlis konvokesyen program kerjasama berkenaan.

Sebanyak 11 IPTS terbabit dengan program UPM-IPTS antaranya Kolej SAL Kuala Lumpur, Kolej Teknologi Antarabangsa Cybernetics, Kolej Teknologi Bestari, Kolej Uniti dan Kolej Teknologi Timur.

Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah yakin graduan program kerjasama itu mampu bersaing setaraf dengan graduan IPT lain.

Beliau berkata, UPM melalui Jawatankuasa Kawalan Mutu Program Akademik serta Pusat Pendidikan Luar (PPL) akan melaksanakan peman-tauan secara berterusan terhadap IPTS yang terbabit bagi memastikan semua aspek pendidikan berkualiti.